

UMSKAL iktiraf pelajar cemerlang 2013

UM 18.12.13 30

LABUAN 17 Dis. - Sebanyak 579 mahasiswa dari Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima anugerah sempena Majlis Konvokesyen UMS Ke-15 di Dewan Canselor UMS baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, ini merupakan pengiktirafan bagi meraikan kejayaan mahasiswa yang telah berusaha sedaya upaya menamatkan tempoh pengajian mereka.

"Dalam konteks sebagai seorang pelajar, mereka hendaklah bersungguh-sungguh mencari peluang memajukan diri, di samping melengkapkan diri dengan ilmu akademik masing-masing," katanya ketika berucap dalam Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013 sempena Konvokesyen UMS.

Yang turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali; Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim selaku pengurusi penganjur dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof. Ma-



NURSAFRAA Aziz diwakili ibunya, Haslinda Abdullah (tengah), Pool Jun Jin (empat dari kiri) dan Chua Xin Yi (tiga dari kanan) bersama pengurusan kanan UMSKAL dan wakil sektor korporat sempena Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013 di Labuan, Sabah, baru-baru lalu.

dya Dr. Syed Nasirin Syed Zainal Abidin.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd., Lukas Takip, Pengarah Eksekutif Noblehouse International Trust Ltd., Chin Vui Chung dan Pengurus TMF Trust Labuan Ltd., Anne Chung.

Shariff berharap agar graduan

mendapat penghormatan dan pekerjaan yang baik bagi kesinambungan ilmu yang mereka pelajari.

Katanya, walaupun mereka baka meninggalkan universiti ini, namun hubungan mahasiswa dan universiti tidak akan terhenti begitu sahaja kerana selepas majlis konvokesyen selesai, mereka akan menjadi alumni universiti ini.

"Alumni mampu menyumbangkan tenaga, pengetahuan dan kepakaran demi meningkatkan kemajuan UMS khususnya dan negara amnya. Kejayaan anda akan menjadi inspirasi kepada semua mahasiswa yang masih menuntut di UMS," ujarnya.

Dalam majlis itu, pelajar program Kewangan Islam Sekolah Per-

niagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Nursafraa Aziz dinobatkan sebagai penerima Anugerah Emas dengan menerima RM4,500 dan sijil penghargaan.

Nursafraa yang berada di China diwakili ibunya, Haslinda Abdullah menerima anugerah daripada Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Danial Mah Abdullah yang mewakili Ketua Pengaruhnya, Ahmad Hizzad Baharudin.

Anugerah Perak pula disandang oleh pelajar program Perbankan Antarabangsa Luar Pesisir SPKAL; Pooi Jun Jin yang menerima RM3,500 dan sijil manakala pelajar E-Dagang, SSIL, Chua Xin Yi dipilih pemenang Anugerah Gangsa (RM2,000 dan sijil penghargaan).

Anugerah Terbaik Labuan yang disumbangkan oleh Petronas Chemicals Methanol Labuan dimenangi pelajar program Ekonomi Kewangan Antarabangsa, Jennifer Voon Mei Ying yang berasal dari Kampung Sungai Keling.

Yang turut menerima anugerah ialah 25 pelajar terbaik dari kedua-dua sekolah SPKAL dan SSIL.